

BAHASA MELAYU

Kertas 2

2 JAM 30 MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.
 2. Jawab semua soalan.
 3. Jawapan bagi soalan 2 (b), soalan 2 (c), soalan 2 (d) dan soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4.
 4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
-

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

[Lihat sebelah]

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan **tentang cara-cara ibu bapa berkomunikasi dengan remaja dan kepentingan komunikasi yang berkesan kepada remaja**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Mengurus anak-anak bukanlah sesuatu yang mudah kerana jika anak tidak diasuh dengan sempurna, padahnya sangat berat, terutamanya remaja. Pada tahap ini biasanya karenah mereka sukar difahami. Hal ini disebabkan mereka terlalu berahsia dengan ibu bapa apabila menghadapi masalah. Mereka suka memendam rasa dan lebih selesa mencurahkan isi hati kepada rakan-rakan sebaya. Walaupun hal ini tidaklah menjadi kesalahan, tetapi sekiranya rakan-rakannya itu adalah daripada kalangan mereka yang mempunyai peribadi buruk, dikhuatiri akan merosakkan pembentukan *peribadi unggul* anak-anak tersebut.

Bagi menjamin keperibadian yang unggul dalam kalangan remaja sewajarnya ibu bapa berperanan sebagai sahabat kepada anak-anak. Pelbagai cara boleh dilakukan untuk membolehkan ibu bapa menjadi kawan kepada anak-anak. Ibu bapa hendaklah sentiasa memerhatikan perilaku dan gerak geri harian mereka dengan mengambil masa yang sesuai untuk bertanyakan masalah mereka dan membantu remaja menyelesaikan masalah yang dihadapi. Apabila masalah dan perasaan anak dapat diselami, mudahlah ibu bapa mendampingi mereka. Ibu bapa hendaklah tidak terlalu cerewet dalam mendidik remaja seperti suka mendesak untuk mencungkil hal-hal peribadi mereka. Remaja akan berasa terkongkong jika mereka terlalu diawasi. Sebagai pengasuh anak-anak, ibu bapa perlulah sentiasa meningkatkan pengetahuan tentang kemodenan dunia dengan mendalami maklumat terkini yang bersesuaian supaya ibu bapa mempunyai minda yang terbuka.

Selain itu, ibu bapa mestilah prihatin dengan pendapat yang disuarakan oleh remaja, bukannya sekadar memandang remeh atau tidak mengendahkan pandangan remaja. Berilah peluang kepada anak-anak untuk menyuarakan rasa hatinya dengan kerelaan tanpa unsur paksaan. Remaja senang didampingi seandainya ibu bapa pandai mengambil hati mereka. Umpamanya, ibu bapa mengajak remaja merundingkan sesuatu hal berkaitan dengan keluarga. Cara begini dapat menimbulkan perasaan tanggungjawab terhadap keluarga. Ibu bapa juga perlu menghormati minat atau hobi remaja. Galakan bolehlah diberikan seperti ibu bapa menyertai aktiviti yang menjadi hobi mereka. Pada masa semua ahli keluarga melakukan aktiviti bersama-sama, ibu bapa dapat memenangi hati mereka sambil memberikan nasihat.

Di samping itu, ibu bapa perlu memperuntukkan masa secukupnya untuk melayan anak-anak remaja mereka. Misalnya pada waktu lapang, ajaklah anak-anak berkumpul dan sama-sama bertukar-tukar fikiran serta beramah mesra dengan mereka. Ibu bapa juga hendaklah memahami emosi remaja yang kompleks dengan menyesuaikan diri supaya dapat mewujudkan hubungan mesra dengan anak-anak kerana mereka adalah sebahagian daripada penentu kebahagiaan sesebuah keluarga.

(Dipetik dan diubah suai daripada
Bersahabat dengan anak remaja, oleh Izani Hj. Daud, Kota Bharu.
Pendidik, Bil 22-2006)

Soalan 2 (a) Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1 di atas, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

i) Berikan maksud rangkai kata *peribadi unggul*.

[2 markah]

ii) Apakah kesan-kesan yang akan dihadapi oleh remaja jika mereka berasa terkongkong dengan sikap ibu bapa mereka?

[3 markah]

iii) Konsep Rumahku Syurgaku bermaksud tempat tinggal yang selesa dan keluarga yang bahagia.

Sebagai seorang anak, jelaskan peranan anda dalam usaha mewujudkan konsep Rumahku Syurgaku?

[4 markah]

Soalan 2 (b) Petikan Cerpen

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Inilah cita-citanya, inilah harapannya, tersemai cambah, berbunga dan berbuah di dalam hatinya, duit yang ada baki sekembalinya dari Makkah akan dibelanjakan untuk kenduri menyambut hari lahirnya. Bukan meniup lilin yang menyala di atas kek, bukan menyanyi lagu *Happy Birthday to You*, tidak! Hari ulang tahun yang pertama kali disambut semenjak dia lahir ke dunia ini ialah hari untuk menjamu anak-anak Kampung Langat, cucu cicitnya di pusat pengajian tinggi yang datang dan pergi menemu ramah untuk menulis tesis, menemu ramah untuk membuat buku, jauh dan dekat. Datanglah, Pak Itam tidak pernah menolak, kalau dia tidur, kejutlah, dia akan bangun. Kalau dia bergelumang dengan tahi ayam di reban, menunduk memberi makan kucing-kucingnya di kandang, panggillah! Jeritlah! Pak Itam tidak pernah menghampakan sesiapa. Semenjak zaman remaja sehingga berusia 85 tahun, dia tidak pernah menghampakan harapan orang, apatah lagi menghina dan mengecilkan hati orang. Kalau tidak, untuk apa dia menghabiskan sebahagian besar hidupnya, masuk penjara keluar penjara? Zaman Inggeris, dia masuk penjara, zaman Jepun pun dia masuk penjara. Di Singapura, di Pudu, di Melaka, dan di Johor. Buat apa dia menyusahkan diri? Bukankah dia anak Melayu yang pertama menjadi Majistret di Malaya ini?

(Dipetik daripada cerpen

'Memori Seorang Tua'

karya Zahari Affandi

dalam **Antologi Harga Remaja**,

Dewan Bahasa dan Pustaka,)

- i. Apakah tujuan Pak Itam menyambut hari lahirnya ke-85 tahun? (2 markah)
- ii. Pada pendapat anda, bagaimanakah kita meraikan hari kelahiran seseorang? (3 markah)
- iii. Huraikan **satu** perwatakan Pak Itam dalam petikan di atas dan **satu** perwatakan Pak Itam yang lain daripada keseluruhan cerpen tersebut . (4 markah)

Soalan 2 (c) Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Ujar Megat Iskandar kepada Merah Silu, “Apa kehendak tuan hamba kepada hamba ini?”

Merah Silu berkata, “Hamba datang kepada tuan hamba ini, hamba hendak minta tempat duduk, kerana hamba tiada bertempat.”

Kata Megat Iskandar, “Jikalau demikian *baiklah anakanda duduk di sini* dengan hamba. Ladang di sini pun luas, dan banyak tempat kerbau makan.”

Sambut Merah Silu, “ Jikalau ada kasih tuan apatah salahnya, tuanlah akan menjadi bapa hamba.”

Merah Silu pun bermohon kepada Megat Iskandar, lalu dia pergilah mengambil segala hartanya, askar dan kesemua kerbaunya. Lalu dibawa ke Buluh Telang itu. Merah Silu tinggallah di situ.

Merah Silu sangat gemar menyabung ayam. Ramai juara sabung ayam datang bermain menyabung dengan Merah Silu. Orang yang kalah dibayar taruhannya. Berita itu tersebar kepada kampong lain dan ramailah orang datang bermain sabung ayam di Buluh Telang. Apabila mereka kembali, Merah Silu memberi mereka seorang seekor kerbau.

(Dipetik daripada ‘Merah Silu’ Dalam antologi Harga Remaja, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud *baiklah anakanda duduk di sini*. (2 markah)
- (ii) Apakah yang dilakukan oleh Merah Silu di Buluh Telang? (3 markah)
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah kita dilarang berjudi? (3 markah)

Soalan 2 (d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Mengintai Ruang Insaf

Semakin berat kejahatan
terpikul di bahu
semakin jauh perjalanan
memburu nur-Mu.

Sewaktu berlari di padang hidup
kerap kakiku tersandung selirat akar
tubuhku tercalar duri pidana
ancala mulia makin kabur
dan menghilang.

Sekadar songsong aksara kata
tanpa kembali ke hujung makna,
“Apakah dalam sarat khilaf
masih terbuka ruang untuk
dianugerahkan keinsafan?”

Rabb,
moga pintu taubat-Mu terbuka
sebelum api dari bara itu menyala.

Shukri Abdullah
Sesudah Hujan Dahlia, 2002
Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

- (a) Apakah maksud rangkap pertama sajak di atas? [2 markah]
- (b) Pada pendapat anda,apakah yang perlu anda lakukan seandainya sudah menyedari kesilapan dan berazam untuk tidak mengulangi perbuatan itu? [4 markah]
- (c) Nyatakan tiga pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas. [3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab **semua** soalan

3(a) *Tulis satu ayat bagi setiap rangkai kata di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa, dan nama khas.*

1. menyelesaikan masalah
2. menumpukan perhatian
3. memikul tanggungjawab
4. memupuk perpaduan
5. mengorak langkah
6. meniupkan semangat

3(b) ***Kenal pasti jenis-jenis ayat berikut. Tentukan sama ada ayat tersebut ialah ayat nyata, ayat tanya, ayat perintah atau ayat seruan.***

- (i) Kedai kain itu mula menjalankan perniagaan sejak seminggu yang lalu. .
- (ii) Sudahkah awak menyiapkan kerja sekolah yang diberi oleh Cikgu Isa tadi ?
- (iii) Fazeera baru sahaja melapor diri untuk bertugas di sekolah ini tadi.
- (iv) Wah, baju awak kelihatan sungguh putih dan bersih!
- (v) Usahlah memuji saya berlebih-lebihan.
- (vi) Syabas, teruskan usaha murni awak!

3 (c) ***Dalam setiap ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan ejaan dan imbuhan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan itu dengan menulis ayat-ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.***

- (i) Pekerja di kilang tersebut sedang memeroses isi buah nenas yang sudah direbus dengan air gula untuk dijadikan jem.
- (ii) Cikgu Noraini meminta dibenarkan pengetua untuk membawa anaknya ke kelinik untuk mendapatkan rawatan pada pagi itu.
- (iii) Peminat-peminat bola sepak yang membanjiri stadium itu sejak awal pagi lagi merasa hampa apabila diberi tahu bahawa pertandingan bola sepak itu terpaksa ditangguhkan atas sebab-sebab keselamatan.

3 (d) ***Dalam setiap ayat di bawah terdapat dua kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.***

- i. Masih ramai peserta-peserta yang akan mengambil bahagian dalam pertandingan akhir nyanyian lagu-lagu asli itu belum menyenaraikan diri mereka.
- ii. Pihak pengurusan pusat beli-belah itu sentiasa mengadakan jualan lelong barang-barang terpakai untuk mengambil perhatian orang ramai.
- iii. Pegawai-pegawai penguatkuasa telah merampas beberapa kotak cakera padat cetak rompak yang dipamerkan di dalam stor di kedai itu.

3 (e) ***Isikan tempat kosong dalam ayat yang berikut ini dengan peribahasa yang sesuai***

Usaha kami untuk mengadakan perbincangan bagi menyelesaikan

pertelagahan yang berlaku antara kedua-kedua orang ketua kampung itu menemui kerana mereka bersikapdan sukar menerima pandangan orang lain. Walaupun begitu kami tetap tidak akan Kami akan berusaha lagi sedaya upaya kami untuk memastikan pertelagahan itu tidak berlarutan. [6 markah]

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan di bawah berdasarkan **novel-novel** yang berikut:

- (i) *Papa... (akhirnya kau tewas jua!)* karya Deana Yusuf
- (ii) *Renyah* karya Gunawan Mahmood
- (iii) *Afza Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) *Melunas Rindu* karya Hartini Hamzah

(a) Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, huraikan peristiwa-peristiwa yang menggambarkan nilai kegigihan yang terdapat dalam novel tersebut

[7 markah]

(b) Sesebuah novel mengetengahkan pelbagai latar tempat untuk menjadikan jalan ceritanya lebih menarik.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, huraikan latar tempat dalam novel tersebut .

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT